

Debat Terbuka Ekonomi Piala Pengarah 13-15 April

UB 13.4.2018 AT

LABUAN: Kelab Debat Bahasa Melayu Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (KDBMUMSKAL) akan mengadakan Pertandingan Debat Terbuka Ekonomi Piala Pengarah (DTEPP) 2018 Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada 13-15 April ini.

Penganjuran Pertandingan DTEPP itu bertujuan menyahut Falsafah Pendidikan

Negara iaitu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Pertandingan DTEPP ini akan dihangatkan lagi dengan penampilan para pendebat daripada 21 pasukan yang mewakili universiti seluruh

negara di pentas yang sama iaitu Debat British Style.

Sementara itu, pada 9 April lalu telah diadakan Majlis Perasmian Debat Terbuka Ekonomi Piala Pengarah 2018 UMSKAL Kampus Antarabangsa Labuan yang telah disempurnakan oleh Timbalan Pendaftar Kanan Zamri Haji Mohamad Tuah yang mewakili Pengarah UMSKAL Profesor Madya Dr Murnizam Haji Halik.

Turut menghadiri majlis

itu ialah Penolong Pendaftar Sektor Hal Ehwal Pelajar Mohd Fazli Sarudi, Penyelaras Kelab Debat Bahasa Melayu UMSKAL Suzillah Sidek dan Pengarah Program Debat Terbuka Ekonomi Piala Pengarah 2018 Nursyazwani Hassan.

Menurut Zamri dengan adanya Pertandingan DTEPP itu, akan dapat melahirkan mahasiswa-mahasiswa yang berdaya saing serta mampu berfikir ke hadapan.

Majlis perasmian DTEPP itu diserikan lagi dengan gimik perasmian persembahan Debat Ala Parlimen daripada ahli KDBMUMSKAL.

Pusingan akhir Pertandingan Debat Terbuka Ekonomi Piala Pengarah 2018 UMSKAL akan berlangsung pada 15 April (Ahad) bermula jam 7 malam di Dewan Utama UMSKAL.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah bakal disempurnakan oleh Murnizam.

Johan akan menerima RM1,000, piala pusingan dan 'sijil' penyertaan, naib johan RM800, piala dan sijil penyertaan manakala tempat ketiga RM500, piala dan sijil penyertaan.



ZAMRI (enam kanan), Fazli (lima kanan), Suzillah (lima kiri) dan Nursyazwani (empat kiri) bersama ahli jawatankuasa Debat Terbuka Ekonomi Piala Pengarah UMSKAL 2018.